

MAJLIS PENYAMPAIAN DIPLOMA KURSUS PEMERINTAHAN DAN STAF MALAYSIA SIRI 46/2017

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2772-majlis-penyampaian-diploma-kursus-pemerintahan-dan-staf-malaysia-siri-46-2017

KUALA LUMPUR, 13 Dis 17 – Mej Roslimizal bin Kamarozaman TUDM antara penerima anugerah kecemerlangan bagi Anugerah Komandan (Kertas Akademik) Kursus Pemerintahan dan Staf Malaysia (KPSM) Siri 46/2017 yang dianjurkan oleh Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT).



Seramai 163 orang pegawai berjaya menamatkan pengajian selama 49 minggu yang bermula dari 9 Januari hingga 15 Disember 2017. Melalui kursus ini, para penuntut diiktiraf dengan Sijil 'psc' (Passed Staff College) dan Diploma Eksekutif Pengajian Strategi dan Pertahanan yang dibangunkan dengan kerjasama MTAT – UPNM.



Kursus ini juga turut disertai oleh pegawai-pegawai tentera dari negara sahabat yang menjalinkan hubungan diplomatik dengan Malaysia serta pegawai PDRM dan APMM.



Majlis Penyampaian Diploma KPSM 46/2017 disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertahanan, YB Dato' Sri Mohd Johari bin Baharum dan turut dihadiri oleh Panglima Angkatan Tentera, YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Panglima-panglima Perkhidmatan yang lain, kedutaan luar negara dan Penasihat Pertahanan negara sahabat serta ahli keluarga peserta kursus.



